

29/08/1999

Guru penghasut akan dihukum

PARIT BUNTAR: Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan tegas terhadap guru yang didapati menunjukkan gambar pemimpin di hadapan murid bagi tujuan menghasut serta memburukkan imej tokoh terbabit.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mohd Khalid Mohd Yunus, berkata maklumat yang diperolehi mendapati ada guru melakukan perbuatan itu dan ia sudah dimaklumkan kepada Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Jika penyiasatan mendapati ada bukti sahih guru menghasut pelajar supaya membenci pemimpin, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tindakan tegas akan diambil," katanya selepas merasmikan Taklimat Pendidikan dan Cabaran Menghadapi Alaf Baru Daerah Kerian di Sekolah Menengah Teknik Kerian, di sini, semalam.

Mohd Khalid berkata, ada laporan diterima mendakwa guru meminta pelajar bertanya ibu bapa mengenai parti politik yang disokong atau tokoh politik pilihan.

"Malah ada guru yang menjadikan bilik darjah untuk menampal jadual ceramah parti lawan.

"Kita ada bukti dan maklumat mengenai guru yang dipercayai menghasut murid di beberapa negeri, tetapi tidak perlulah dinyatakan sekarang," katanya.

Beliau berkata, kementerian mempunyai jawatankuasa khas untuk mengkaji serta membincangkan dengan teliti setiap kes yang dikemukakan sebelum keputusan berhubung bentuk hukuman dibuat.

Mengenai pengambilan Sekolah Agama Rakyat (SAR) oleh Kementerian Pendidikan, Mohd Khalid berkata, ia bertujuan memberi peluang pelajar mendapat kemudahan asas pelajaran sempurna dan kurikulum yang selaras.

"Ia juga bertujuan memberi peluang sekolah mendapat guru terlatih, skim perkhidmatan yang sempurna dan pelbagai lagi langkah positif," katanya.

(END)